

Tiga kampung dilanda banjir

Seramai 26 mangsa dipindahkan, paras air Sungai Golok pada tahap amaran

ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU - Hujan lebat yang berlarutan sejak tiga hari lalu menyebabkan tiga kampung di Daerah Pasir Puteh iaitu Kampung Bukit Awang, Gong Kala dan Gong Keding ditenggelami air.

Seramai 26 mangsa daripada tiga keluarga di kampung terbabit dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Awang sehingga jam 4 petang semalam.

Sementara itu, di Kuala Krai, jalan sebuah kampung difahamkan ditutup buat sementara daripada laluan kenderaan ringan kerana turut ditenggelami air.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Kelantan, Datuk Zainuddin Ibrahim berkata, jawatankuasa kini sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi musim banjir.

"Sebanyak 729 pusat pemindahan banjir telah disiapkan yang mam-

pu menempatkan sehingga 150,700 mangsa dalam satu-satu masa manakala 170 pangkalan hadapan dibuka.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga membekalkan makanan seperti beras, sardin, biskut, minyak masak, gula, teh dan kopi yang keseluruhannya bernilai RM495,000 dan tambahan bantuan bernilai RM600,000 lagi akan diberi jika keadaan semakin serius.

Zainuddin berkata, kelengkapan logistik semua agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga sudah ada manakala seramai 4,800 kakitangan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bersedia menjalankan misi menyelamat,"katanya.

"Penduduk kampung yang terjejas dengan banjir dinasihatkan agar menghubungi pasukan penyelamat dengan segera dan berpindah ke pusat pemindahan banjir demi keselamatan mereka,"katanya.

Dalam pada itu, info terkini paras air sungai yang dikeluarkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan,



Zainuddin (tengah) pada sidang media, semalam.

sehingga jam 5.30 petang ini menunjukkan air Sungai Golok melebihi tahap amaran manakala sungai lain pada paras normal.

Sungai Golok, Rantau Panjang menunjukkan kedalaman 7.19 meter

melebih paras amaran iaitu tujuh meter manakala bacaan Sungai Golok di Jenob, Pasir Mas menunjukkan kedalaman 21.49 meter iaitu menghampiri paras amaran sedalam 21.50 meter.

Bacaan paras air Sungai Kelantan di pusat bacaan Kuala Krai, Kusial dan Jeli Kastam melebihi paras biasa dan menghampiri tahap amaran iaitu masing-masing pada kedalaman 18.10, 10.32 dan 0.91 meter.